

**Bahagian A**

[50 markah]

Jawab mana-mana **lima** soalan dari bahagian ini.

- 1 (a) Jelaskan kelebihan bentuk pemilikan perniagaan koperasi.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan klasifikasi sebuah perniagaan.

Nama perniagaan	:	Farmasi Hamisah
Bilangan pekerja tetap	:	9 orang
Jumlah jualan tahunan	:	RM396 000

- (i) Apakah saiz perniagaan tersebut?

.....  
.....

[1 markah]

- (ii) Jelaskan cabaran perniagaan di 1(b)(i).

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

2 (a) Jelaskan peranan Institut Piawaian Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan objektif perniagaan Kedai Gunting Rambut MussBarber.

- Memberi perkhidmatan yang terbaik dalam bidang penggayaan rambut kepada pelanggan
- Memastikan MussBarber Shop mempunyai tiga cawangan di Lembah Klang dalam masa setahun.
- Mencatatkan peningkatan jualan sebanyak 20% sebulan

Terangkan ciri-ciri objektif perniagaan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

- 3 (a) Jelaskan tujuan bahagian fungsian dalam sesebuah organisasi perniagaan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- (b) Petikan akhbar berikut berkaitan interaksi sebuah perniagaan dengan organisasi luar.

**KUALA LUMPUR:** *Ducati Motor*, pengeluar motosikal mencatat rekod jualan tertinggi pada suku pertama 2023. Model *DesertX* paling banyak menerima tempahan dan respon yang baik dari pelanggan. *Ducati Motor* menjalankan kerjasama yang baik dengan Syarikat Tayar Lim yang membekalkan tayar berkualiti pada harga yang berpatutan.

Sumber diubah suai daripada <https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat>, 6 Mei 2023

Kenalpasti interaksi perniagaan tersebut. Jelaskan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

- 4 (a) Dialog berikut adalah antara seorang pengurus dengan penyelianya.

Encik Irfan : Arisyah...mana Safwan? Saya tak nampak lagi dia masuk pejabat.  
Dah pukul 11.00 pagi ni.


Cik Arisyah : Saya tak pasti Encik Irfan. Dia tak jawab bila saya hubungi.  
Dalam bulan ini sudah lima kali dia lewat.

Jelaskan tindakan yang perlu diambil oleh Encik Irfan dari aspek pengelolaan sumber manusia.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

- (b) Rajah 1 merupakan prosedur mengurus sumber teknologi yang diperlukan dalam operasi sesebuah perniagaan.



Rajah 1

Jelaskan Q.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[5 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Kenchana Segar Berhad telah melaporkan keuntungan syarikat sebanyak RM25 juta bagi tahun 2023. Pihak pengurusan bercadang untuk membuka sebuah lagi cawangan dalam tahun 2025. Syarikat tidak bercadang mendapatkan sumber pembiayaan luaran tetapi akan menggunakan rizab keuntungan syarikat bagi tujuan tersebut.

Mengapakah Syarikat Kenchana Segar Berhad memilih sumber pembiayaan tersebut?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[6 markah]

- (b) Jelaskan kepentingan penyata kewangan kepada pihak pengurusan sesebuah perniagaan
- .....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

..... [4 markah]

- 6 (a) Terangkan kelebihan bermiaga sebagai satu peluang kerjaya kepada seorang usahawan.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[6 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan urus niaga perniagaan Percetakan Boon Sdn Bhd yang berlaku pada bulan Mei 2024.

Dokumen	Tarikh	Urus niaga
A	3 Mei 2024	Membeli stok kertas dari Pemborong Endah berjumlah RM5 500 secara kredit.
B	8 Mei 2024	Membeli alat tulis untuk kegunaan pejabat secara tunai berjumlah RM140

Jelaskan dokumen perniagaan :

- (i) A

.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (ii) B


.....  
.....  
.....

[2 markah]

**Bahagian B**  
[30 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan dari bahagian ini.

- 7 Rajah 2 berkaitan dengan graf titik pulang modal bagi pengeluar payung, Matahari Suria Sdn Bhd di Rawang, Selangor.



- (a) (i) Jika harga jualan seunit payung adalah RM20 dan kos berubah seunit ialah RM10, hitungkan titik pulang modal (TPM) perniagaan tersebut. [3 markah]
- (ii) Jelaskan Titik Pulang Modal di 7 (a)(i). [3 markah]
- (b) Jelaskan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan di kawasan yang berlorek. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah Matahari Suria Sdn Bhd dapat meneroka pasaran baharu? [5 markah]

8 Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Puan Hazira telah menjalankan perniagaan yang mengeluarkan tudung berjenama *Bawalstar* yang dipasarkan ke seluruh Semenanjung Malaysia.

Baru-baru ini, beliau menghadapi isu kelewatan pengedaran daripada sebahagian ejennya. Oleh itu, beliau bercadang membeli tiga buah van. Beliau menghubungi segera Bank Al Hijrah dan membuat keputusan untuk membayar wang pendahuluan sebanyak sepuluh peratus dan membayar bakinya secara ansuran.

Puan Hazira juga berusaha untuk mendapatkan bekalan fabrik dan mesin bermutu tinggi bagi memastikan produktiviti dan sasaran jualan tercapai. Ini penting untuk memastikan tudung *Bawalstar* menjadi pilihan ramai.

- (a) Jelaskan klasifikasi perniagaan tersebut. [4 markah]
- (b) Mengapakah Puan Hazira membuat keputusan tersebut? [5 markah]
- (c) (i) Kenalpasti sumber fizikal perniagaan Puan Hazira. [2 markah]  
(ii) Bagaimanakah Puan Hazira menguruskan sumber fizikal perniagaannya? [4 markah]

9 Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Puan Nisrina pengeluar Kek Buah Rin di Bandar Rimbayu. Beliau dibantu oleh tiga orang pekerja. Berikut adalah petikan penyata kedudukan kewangan perniagaan Kek Buah Rin.

<b>Ekuiti Pemilik</b>	<b>2023 (RM)</b>	<b>2022 (RM)</b>
Modal Awal	200 000	189 000
Tambah: Untung Bersih	47 500	65 000
	247 500	254 000
Tolak: Ambilan	(980)	(720)
Modal Akhir	246 520	253 280

Puan Nisrina berpendapat beliau menghadapi cabaran besar apabila pulangan atas modal perniagaannya menunjukkan penurunan.

Puan Nisrina telah memberikan bonus kepada pekerjanya kerana keuntungan yang diperoleh pada tahun 2023. Beliau percaya tindakan ini akan memberi kesan positif prestasi perniagaan.

Puan Nisrina telah melantik adiknya, Cik Damia untuk memperkenalkan Kek Buah Rin. Cik Damia mencadangkan penggunaan aplikasi teknologi maklumat iaitu dengan penggunaan laman sosial.

- (a) Anda bersetuju dengan pendapat Puan Nisrina. Buktikan. [5 markah]
- (b) Jelaskan peranan pengurusan sumber manusia yang telah dilakukan oleh Puan Nisrina. [5 markah]
- (c) Mengapakah Cik Damia memberikan cadangan tersebut? [5 markah]

**Bahagian C**  
[20 markah]  
*Soalan ini wajib dijawab*


- 10 Thira Mushroom Enterprise (TME) telah ditubuhkan pada 1 Januari 2020 oleh Puan Athirah dan beroperasi di rumahnya di Taman Aman, Banting, Selangor. Beliau dibantu oleh lima orang pekerja tetap yang tinggal di kawasan berhampiran. Perniagaan TME menjual kerepek cendawan tiram dengan menggunakan jenama *Cendawan Crispy*. Memandangkan ruang rumahnya yang agak terhad, Puan Athirah membuat keputusan untuk berpindah ke sebuah bangunan kedai di pekan Banting, Selangor.

Setelah dua tahun tahun beroperasi, Puan Athirah mendapati hasil jualannya kurang memberangsangkan walaupun beliau telah menggunakan *facebook* dan *instagram* untuk mempromosikan produknya. Beliau berhasrat untuk meningkatkan kualiti produk sedia ada. Justeru, beliau perlu bertindak segera untuk mencapai hasrat tersebut. Berikut merupakan *Cendawan Crispy* yang dikeluarkan oleh TME.



Permintaan yang semakin meningkat menyebabkan Puan Athirah perlu menambah peralatan pembuatan kerepek. Namun begitu, perniagaan masih kekurangan modal. Oleh itu, beliau mempertimbangkan sama ada untuk menggunakan simpanan peribadinya atau menggunakan barang kemas miliknya bagi tujuan tersebut.

Selain daripada sumber pembiayaan tersebut, Puan Athirah juga bercadang untuk menjemput rakan kongsi bagi menambah modal perniagaan. Berikut merupakan carta peratusan pulangan atas modal TME untuk dua tahun.



Beliau berharap data yang diberikan dapat membantu pelabur membuat keputusan.


Berdasarkan kes di atas, jawab soalan berikut :

- (a) Mengapakah Puan Athirah membuat keputusan tersebut? [5 markah]
- (b) Jelaskan tindakan yang perlu diambil oleh Puan Athirah untuk mencapai hasrat tersebut? [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, sumber pembiayaan manakah yang sesuai dipilih?  
Berikan alasan. [5 markah]
- (d) Jelaskan peratusan pulangan atas modal bagi TME. [4 markah]

## **RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN B**


## **SOALAN 7**







### **SOALAN 8**






### **SOALAN 9**





## **RUANG JAWAPAN BAGI SOALAN BAHAGIAN C**

### **SOALAN 10**





## **HELAIAN TAMBAHAN**

## KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

